

Newspaper	Sinar Harian
Date	30 August 2015

Tun M muncul di Dataran Merdeka

Sinar Harian - 30/8/2015

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tiba-tiba muncul di sekitar Dataran Merdeka petang semalam bersama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Ali.


Sebelum itu pada sebuah majlis di Johor Bahru, Dr Mahathir masih berkira-kira mahu hadir ke himpunan Bersih 4.0 ataupun tidak.

"Saya sedang fikir sama ada pergi atau tidak, jika esok saya ada, ada.. Jika takda, takda la," katanya.

Keadaan tenang bertukar kecoh apabila orang ramai dan petugas media menyedari kehadiran Dr Mahathir.

Ketika tiba, beliau cuma berjalan dari Jalan Parlimen menuju ke Jalan Tun Perak diiringi pengawal keselamatannya.

Bagaimanapun disebabkan keadaan terlalu sesak, Dr Mahathir berpatah balik dan menuju ke keretanya.



Dr Mahathir tiba di Dataran Merdeka.

Ditanya pemberita apakah tujuannya hadir semalam, beliau hanya berkata: "Just to look around (saja nak melihat-lihat).

Sebelum Dr Mahathir memasuki keretanya, beliau sempat melambaikan tangannya kepada peserta Bersih 4.0.